



ZAIDATUL Husniah (dua dari kiri) ketika beraksi di separuh akhir acara 100m wanita di Stadium Carrara, semalam.

Cuba sehabis kudrat

Zaidatul tetap gembira dapat beri saingan ketika berdepan jagoan hebat dunia

Gold Coast

Ada riak gembira di wajah pelari pecut negara Zaidatul Husniah Zulkifli (*gambar*) biarpun gagal menempatkan dirinya ke pentas final acara 100m wanita Sukan Komanwel di Stadium Carrara, semalam.

Mencatat 11.84s pada aksi separuh akhir selepas 11.64s pada saringan pusingan pertama, Zaidatul tetap gembira apabila mengakui mampu memberi saingan ketika berdepan jagoan hebat dunia.

Apatah lagi sebelum ini namanya tiada dalam senarai atlet olahraga ke Sukan Komanwel dengan perhatian lebih diberikan kepada atlet pecut lelaki untuk mencipta kejutan di Gold Coast.

"Saya bersyukur dengan corak larian saya tadi, dapat mengikut rentak pelari yang lebih baik. Seperti saya katakan dulu, jika berlari dengan orang yang lebih baik, kita akan dapat catatan lebih baik," katanya.

"Malah, jurulatih Bala (M Balamurugan) memberikan

maklum balas yang positif dan tidak memberi tekanan walaupun saya mendapat tiket saat akhir untuk ke Sukan Komanwel.

"Saya memanfaatkan sebanyak peluang yang ada, agak ber-

puas hati dapat berlari dua kali walaupun sukar menyaingi mereka pada separuh akhir kerana jarak masa antara saringan dan separuh akhir itu terlalu hampir."

Menurutnya, meskipun apa yang dihayati tidak

kesampaian tetapi dia masih berpuas hati dengan catatan dilakukannya.

Terdahulu, Zaidatul yang mesra dipanggil 'Adik' mencipta kejutan apabila menjadi atlet pecut ketiga selepas Tan Sri Dr M Jegathesan dan G Shanti mara ke separuh akhir Sukan Komanwel, masing-masing pada 1966 dan 1998.

